



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2017/06/39 (HQ)

PERAK PULA DILIMPAHI CAHAYA

YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, hari ini, melancarkan Projek Lampu Jalan kampung Fasa Lapan (LJK8), peringkat negeri Perak pula, meliputi 24 kawasan Parlimen di negeri itu.

Sebanyak 12,680 unit lampu akan dipasang di negeri Perak dalam usaha kerajaan memberi manfaat berterusan kepada penduduk luar bandar.

Perdana Menteri melancarkannya sempena Program Jom Bantu Rakyat di Bukit Gantang, yang mana 90 buah kampung di kawasan Parlimen berkenaan disenaraikan menerima limpahan cahaya projek LJK8 ini.

Minggu lalu, beliau telah melancarkan projek yang sama di peringkat Negeri Sembilan dengan melibatkan 433 buah kampung.

Sebanyak RM100 juta diperuntukkan oleh kerajaan untuk menyediakan 122,133 unit lampu jalan di seluruh negara, di bawah LJK8. Daripada jumlah tersebut, 6,333 unit adalah lampu jenis LED atau Light Emitting Diode, manakala selebihnya ialah jenis High Pressure Sodium Vapour (HPSV).

Dalam fasa satu hingga fasa tujuh LJK, sebanyak 300,000 unit lampu jalan kampung telah dipasang di seluruh negara dengan kos RM150 juta. Di negeri Perak 36,299 unit telah dipasang.

Kerajaan, menerusi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melaksanakan projek pemasangan lampu jalan kampung ini sejak tahun 2003, menerusi program Bekalan Elektrik Luar Bandar dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) merupakan agensi pelaksana projek.

Majlis pelancaran turut dihadiri Menteri Besar Perak Datuk Seri Dr Zambry Kadir dan Naib Presiden (Pembahagian) TNB, Datuk Ir. Baharin Din.

Dikeluarkan di Bukit gantang, Perak pada jam 5:00 petang, 7 Jun 2017

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /
Datuk Omar Sidek (013-3418988) atau emel ke media@tnb.com.my*